

Laut China Selatan jadi rebutan

KOSMO 17/03/2018


M/S 34



Oleh WAN AZHAR WAN ABDULLAH

GAMBAR tidak bertarikh menunjukkan kapal pengangkut pesawat China, *Liaoning*, mengadakan latihan di tengah Laut China Selatan. - AGENSI

“Terdapat kira-kira 500 juta orang tinggal dalam zon 160 kilometer dari pantai di sepanjang pesisir Laut China Selatan, menjadikan perairan itu begitu pesat membangun



PETA Laut China Selatan. Garis putus-putus menunjukkan kawasan yang dituntut oleh China.

LAUT China Selatan menjangkau keluasan dua juta kilometer persegi di Lautan Pasifik meliputi kawasan dari Singapura dan Selat Melaka sehinggalah ke Selat Taiwan termasuk perairan Filipina, utara Indonesia dan timur Vietnam.

Menurut kumpulan pemikir Majlis Hubungan Luar, Laut China Selatan mempunyai beratus-ratus buah pulau, namun wilayah terbesar dan paling menjadi rebutan ialah Kepulauan Spratly, Kepulauan Paracel, Macclesfield Bank dan Terumbu Scarborough.

Sebahagian atau keseluruhan pulau dan terumbu itu dituntut oleh lima negara Asia Tenggara terdiri daripada China, Malaysia, Filipina, Vietnam, Brunei di samping pemerintah Taiwan.

Semua pulau dan terumbu itu tidak mempunyai penghuni pribumi, mengakibatkan isu hak kedaulatan ke atasnya sukar dan rumit.

Pakar sains politik dari Kolej Middlebury, Amerika Syarikat, David Rosenberg berkata, punca utama konflik di laut itu adalah persaingan merebut sumber alam semula jadinya.

Menurut Bank Dunia, Laut China Selatan menyimpan minyak mentah

berjumlah tujuh bilion tong dan lebih 25 trilion kubik meter gas asli serta kaya dengan hidupan marin.

Sumber alam semula jadi itu menawarkan peluang ekonomi yang begitu hebat kepada negara kecil seperti Malaysia, Filipina dan Vietnam serta jaminan sumber tenaga untuk ekonomi gergasi China.

Paling sibuk

Laut itu juga menjadi laluan kepada 50 peratus kapal tangki dari seluruh dunia, tiga kali ganda lebih banyak daripada Terusan Suez dan lima kali ganda lebih banyak berbanding Terusan Panama sekali gus laluan maritim antarabangsa antara paling sibuk di dunia, membawa kargo bernilai sekitar AS\$5 trilion (RM19.5 trilion) setahun.

Selain itu, terdapat kira-kira 500 juta orang tinggal dalam zon 160 kilometer dari pantai di sepanjang pesisir Laut China Selatan, menjadikan perairan itu begitu pesat membangun.

Beijing menuntut sehingga 90 peratus perairan Laut China Selatan berdasarkan peta persempadanan maritim dikenali sebagai Sembilan Garisan Putus.

Peta yang diperkenalkan pada tahun 1947 itu pada asalnya dinamakan 11 Garisan Putus, menjadi panduan untuk tentera laut China merampas beberapa buah pulau yang diduduki tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

Selepas negara Republik Rakyat China dibentuk pada 1949 dan tentera Kuomintang melarikan diri ke Taiwan, pemerintah komunis mengisytiharkan ia sebagai wakil tunggal China dan mewarisi segala jajahannya.

China melancarkan projek menambak terumbu karang menjadi pulau di Kepulauan Spratly dan Paracel.

Di Kepulauan Spratly, China mengorek pasir dan menambak tujuh terumbu yang didudukinya. Beijing turut menempatkan struktur ketenteraan, peluru berpandu di samping membina dua buah landasan, setiap satu sepanjang 3,000 meter serta 2,600 meter.

Kedua-dua landasan itu boleh menerima pendaratan pesawat tentera termasuk jet pengebom dan kapal terbang pengangkut.

Dengan fasiliti tersebut, China mengukuhkan kedudukannya sekali gus boleh mengawal Laut China Selatan.

Beijing kerap berkata bahawa ia menghormati prinsip kebebasan belayar di Laut China Selatan, namun adakah jaminan itu dapat meredakan kekhawatiran negara Asia Tenggara dan masyarakat antarabangsa?

Semasa pertikaian wilayah dengan Jepun pada 2010, China pernah menggunakan sekatan maritim di Laut China Selatan untuk menghalang bekalan logam nadir sampai ke Jepun.

Logam tersebut amat diperlukan

dalam industri elektronik negara matahari terbit itu.

Kebimbangan AS di Laut China Selatan berpunca daripada keghairahan China menguasai wilayah maritim tersebut dan sumber alam semula jadinya.

Washington juga perlu melindungi order serantau dan keselamatan sekutunya iaitu Jepun serta Korea Selatan.

Perikatan

Bagi mengekalkan kuasa dan pengaruhnya di Pasifik Barat, Washington mesti mempertahankan sistem perikatan serantau, lebih-lebih lagi negara serantau bimbang dengan niat China di Laut China Selatan.

Berundur dari Laut China Selatan akan melemahkan perikatan tersebut dan menjejaskan kuasa AS di Pasifik Barat.

Pada Oktober 2015, pentadbiran Presiden Barack Obama bertindak balas terhadap dasar peluasan China di Laut China Selatan dengan melancarkan rondaan kapal perang dan kapal induk dalam misi 'kebebasan belayar' di perairan itu sekali gus mesej jelas bahawa Washington tidak dapat diusir keluar.

Pentadbiran terbaharu pimpinan Presiden Donald Trump pula dijangka lebih agresif dalam pendiriannya

berhubung Laut China Selatan.

Sekiranya konfrontasi berlaku di Laut China Selatan, di atas kertas, AS mempunyai kekuatan yang lebih besar.

Tentera Laut AS memiliki paling banyak kapal paling berbanding mana-mana tentera laut di dunia. Tentera Laut AS juga beroperasi di Lautan Pasifik, Atlantik, Hindi di samping Laut Mediterranean, Teluk Parsi dan Tanduk Afrika.

Ia mempunyai 288 kapal perang dan kapal tempur, 10 kapal pengangkut pesawat berkuasa nuklear, 22 kapal perang jenis cruiser, 62 kapal pemusnah, 17 frigat dan 72 kapal selam.

Selain itu, Tentera Laut AS juga mempunyai 3,700 pesawat, kuasa udara kedua terbesar dunia.

China pula dijangka menjadi tentera laut kedua terkuat dunia dalam masa beberapa tahun lagi.

Namun, Beijing pada masa ini memilik sebuah kapal pengangkut pesawat konvensional, *Liaoning*. China juga sedang membina kapal induk kedua berkuasa nuklear dan dijangka menambah antara tiga hingga lima kapal jenis tersebut.

Perkembangan itu menjadi bukti bahawa China mahukan dominasi di Laut China Selatan dan Beijing tidak akan tunduk atau berganjak daripada pendiriannya walaupun menerima tekanan kuasa besar seperti AS.